

TEKS KHUTBAH SEMPENA GERHANA BULAN PENUH

TAJUK :

“GERHANA LAMBANG KETUNDUKAN ALAM”

3 MAC 2026 M / 14 RAMADAN 1447H (SELASA)

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلُ:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَنْفَعِيوْا ظِلَّهُ، عَنِ الْيَمِينِ وَالشَّمَائِلِ سُجَّدًا لِلَّهِ وَهُمْ دَاخِرُونَ

Maksudnya: Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedang mereka merendahkan diri?

(Al-Nahl :48)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَ أَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَمَّا بَعْدُ:

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ⁴ أَوْصِيكُمْ وَ إِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

¹ Memuji Allah

² Ayat al-Quran

³ Selawat Nabi ke atas Nabi S.A.W

⁴ Pesanan takwa

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Sidang jemaah yang dirahmati Allah, pada malam ini, 3 Mac 2026 M bersamaan 14 Ramadan 1447H, kita telah menyaksikan satu tanda kebesaran Allah, iaitu **Gerhana Bulan Penuh**. Bulan yang biasanya bersinar terang pada pertengahan Ramadan ketika fasa bulan penuh, yang lazimnya menjadi simbol kesempurnaan cahaya, tiba-tiba memasuki bayang bumi, lalu cahayanya meredup dan berubah.

Maka, sempena dengan fenomena gerhana pada malam ini khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk :

“GERHANA LAMBANG KETUNDUKAN ALAM”

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Fenomena gerhana, merupakan sebuah fenomena yang menakjubkan dari sudut ilmu falak. Ia merupakan fenomena yang sangat ditunggu-tunggu kerana keajaibannya yang menakjubkan. Sebagai umat Islam, gerhana bukan sekadar fenomena alam namun, lebih jauh dari itu kita melihat gerhana juga sebagai **ayat kauniyyah** iaitu tanda alam yang Allah SWT bentangkan untuk direnungi manusia umuMnya.

Dari Mughirah Bin Syu'bah r.hu, Rasulullah SAW telah bersabda :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ ، وَلَكِنَّهُمَا آيَتَانِ

مِنْ آيَاتِ اللَّهِ

Bermaksud : “Dan sesungguhnya Matahari dan Bulan tidak gerhana kerana mati seseorang atau hidupnya [seseorang], dan tetapi kedua-duanya adalah dua tanda dari tanda-tanda [kebesaran] Allah SWT.”

[Riwayat Bukhari]

Sidang jemaah sekalian,

Dalam ilmu falak, gerhana bulan berlaku apabila bumi berada di antara matahari dan bulan, lalu bulan memasuki bayang bumi. Bayang bumi ini pula terbahagi kepada dua :

1. Umbra : Ia merupakan bayang gelap, di mana hampir keseluruhan cahaya terhalang sepenuhnya.
2. Penumbra – bayang kabur, di mana cahaya masih sampai sebahagiannya.

Apabila bulan memasuki bayang penumbra, cahayanya sedikit malap. Namun apabila ia masuk sepenuhnya ke dalam bayang umbra, maka berlakulah gerhana penuh. Bulan yang biasanya memantulkan cahaya matahari kini berada dalam bayang gelap bumi.

Terdapat fakta menarik tentang panjang bayang bumi ketika gerhana. Umumnya diameter Bumi ialah 12,742 km, manakala diameter Matahari pula ialah 1.39 juta km. Jarak Bumi ke Matahari ialah dalam lingkungan 149.6 juta km. Maka dengan kedudukan ini bayang bumi berbentuk kon akan menjadi sepanjang kira-kira lebih kurang 1.38 juta kilometer! Manakala lebar bayang bumi yang menutupi bulan mencapai 9,000 km! Subhanallah satu jarak dan lebar yang sangat jauh dan panjang. Ini menunjukkan salah satu dari tanda kebesaran Allah SWT dari kejadian gerhana itu ialah bayang itu sendiri.

Ini kerana bayang bumi ini sebenarnya tetap akan wujud pada bila-bila masa. Namun kita tidak dapat melihatnya kecuali ketika berlaku gerhana bulan. Ini bermakna ketika gerhana bulan penuh berlaku pada malam ini kita telah menyaksikan bayang bumi jatuh ke bulan yang berada pada kedudukan 380,000 km dari bumi!

Sidang jemaah sekalian,

Merujuk surah al-Nahl ayat 48, yang dibacakan pada awal khutbah ini tadi, menyatakan bagaimana bayang itu adalah simbolik kepada ketundukan alam ini pada Allah SWT. Syeikh Mutawall Sya'rawi ketika menafsirkan ayat tersebut menyebutkan bagaimana Allah memberi contoh bayang sebagai lambang ketundukan yang

sempurna kerana bayang sesuatu itu tidak pernah terpisah daripada bumi. Ia sentiasa berada pada bumi atau tanah sebagai suatu gambaran kehambaan yang mutlak.

Menariknya, bayang sebarang objek di bumi mempunyai fasa pendek dan panjang berdasarkan ketinggian matahari. Semakin rendah matahari, maka semakin panjanglah bayang, sebaliknya semakin tinggi matahari, semakin pendek bayang. Namun bayang bumi tidak pernah memendek, cuma ia akan beralih kedudukan berdasarkan kedudukan matahari. Ini memberikan gambaran bahawa bagaimana bumi sentiasa sujud pada Allah SWT.

Ketika berlakunya gerhana bulan pada malam ini bulan yang sepatutnya bercahaya terang masuk dalam bayang yang menjadi lambang sujudnya bumi. Maka ketika inilah juga kita disunatkan untuk melaksanakan solat sunat gerhana, sebagai manifestasi ketundukan alam ini, kita turut menyertai sujudnya alam ini. Bulan yang sepatutnya terang itu seakan-akan “merendahkan diri” apabila memasuki bayang bumi. Cahaya penuhnya yang megah menjadi suram merah kehitaman.

Sidang jemaah,

Daripada perkara-perkara yang telah disebutkan dalam khutbah di atas beberapa pengajaran dapat kita simpulkan :

1. Gerhana bulan yang berlaku pada malam ini menjadi tanda kebesaran Allah SWT dalam menciptakan alam ini, buktinya kewujudan bayang bumi yang menjadi faktor utama terjadinya gerhana pada malam ini.
2. Saiz bayang bumi yang sangat panjang dan besar berbentuk kon yang hanya dapat dilihat gerhana. Tanpa peristiwa gerhana kita tidak akan sedar kewujudan bayang ini.
3. Bayang adalah lambang sujud atau ketundukan yang sentiasa wujud pada bumi yang menjadi tasbih alam pada Allah SWT.
4. Perlaksanaan solat sunat gerhana yang juga disertai dengan sujud dan rukuk adalah lambang kebersamaan kita umat Islam dengan ketundukan alam ini pada Allah SWT. Bayang bumi dan gelapnya bulan adalah simbol tunduknya alam pada Allah SWT, sedangkan sujud dan rukuknya kita dalam solat adalah lambang ketundukkan kita pada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
 وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
 الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ , وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ , فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁸ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَاَلْفَ بَيْنَ قُلُوْبِهِمْ وَاجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِهِمُ الْاِيْمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلٰى مِلَّةِ رَسُوْلِ اللّٰهِ ﷺ.
اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَاَنْصُرْ اِخْوَانَنَا وَاَخَوَاتِنَا وَاَطْفَالَنَا فِيْ فِلَسْطِيْنَ،
وَاحْفَظْ اَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُوْدَهَا وَدَمِّرْ اَعْدَاكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ

Ya al-Rahman Ya al-Wakil , pada malam ini kami telah melihat Gerhana Bulan Penuh yang menjadi tanda kebesaran-MU, ya Allah, yang menjadi tanda ketundukan alam ini pada-MU ya Allah. Maka kau jadikanlah kami dari sebahagian dari makhluk dan hamba-MU yang sentiasa tunduk dan sujud kepada-MU ya Allah ya Rabb al-Alamin.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakanlah pintu hati kami untuk beristiqamah, menghayati dan merenung segala fenomena alam yang berlaku sepertimana fenomena gerhana bulan pada malam ini. Jadikanlah kami dari kalangan hambamu yang dibukakan petunjuk, taufik dan hidayah dari-Mu dengan merenung dan menghayati alam ciptaan-Mu ini ya Allah. Hitungkanlah kami dari kalangan hambaMu yang akan mengecapi nikmat rahmat dan syurgaMu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

⁸ Doa untuk kaum muslimin

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
 يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.